

Headline	Kerajaan sentiasa sedia insentif bantu Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Jan 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	26	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,999
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,997



Minda Pengarang

Kerajaan sentiasa sedia insentif bantu Bumiputera

Sejak merdeka, kerajaan mewujudkan pelbagai instrumen dan institusi untuk memajukan kaum Bumiputera, antaranya Tabung Haji, Permodalan Nasional Bhd dan MARA. Melalui perancangan rapi dan bijaksana, taraf hidup Bumiputera dapat ditingkatkan. Pendapatan purata bulanan isi rumah kaum ini telah meningkat daripada RM172 pada 1970-an kepada RM4,457 pada 2012, atau hampir 2,500 peratus dengan kadar kemiskinan berkurangan kepada hanya 2.2 peratus daripada 64.8 peratus. Dari segi pemilikan ekuiti sektor korporat, ia telah meningkat daripada 2.4 peratus kepada 23.5 peratus pada 2011. Bilangan tenaga kerja Bumiputera dalam kategori profesional seperti doktor, jurutera dan peguam juga meningkat. Namun, di sebalik pencapaian itu, masih wujud jurang ketidaksamaan pendapatan antara kaum. Sebagai contoh, pada 2012, pendapatan purata bulanan kaum Cina masih tinggi berbanding Bumiputera pada nisbah satu kepada 1.43 kali ganda. Dalam pemilikan ekuiti korporat pula, sasaran mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus masih lagi jauh kerana kadar pemilikan efektif semasa hanya sekitar 10 peratus. Pembabitan masyarakat Bumiputera dalam keusahawanan juga masih belum ketara dengan majoritinya hanya berada pada tahap usahawan kecil dan mikro.

Berdasarkan hakikat itu, September tahun

lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang menumpukan kepada lima strategi, iaitu memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, memperkukuh pemilikan aset bukan kewangan, memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan serta memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan. Sejak inisiatif itu diumumkan, kerajaan sudah meluluskan bantuan kewangan RM1.82 bilion. Ini termasuk geran berjumlah RM1.36 bilion yang diluluskan menerusi Dana Mudahcara dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Bagi memantapkan sokongan, mulai Ahad ini Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) membuka pula permohonan bagi geran Skim Usahawan Permulaan Bumiputera khusus untuk usahawan muda membangunkan idea kreatif dan inovatif. Kita harapkan golongan Bumiputera yang mempunyai idea kreatif dan inovatif, terutama dalam kalangan belia akan memanfaatkan peluang disediakan. Skim itu diadakan kerana kerajaan menyedari bahawa perniagaan masa depan adalah yang berkaitan dengan inovasi serta kreativiti kerana sebagai industri berasaskan pengetahuan, ia menawarkan margin keuntungan tinggi. Justeru, penyertaan golongan Bumiputera dalam industri itu adalah sangat penting. Jika tidak Bumiputera akan terus ketinggalan.